

Mahathir akan temui para pembuat jam Swiss

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PARIS, Khamis — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed akan menemui para pembuat jam Swiss di Bienne, Switzerland 8 Februari depan untuk menjawab soalan-soalan mengenai dengan dasar dan insentif pelaburan Malaysia.

Pegawai MIDA memberitahu Bernama hari ini bahawa kira-kira 20 pembuat jam Swiss dijangka menghadiri Sessi perbincangan setengah-hari, anjuran pusat pelaburan Malaysia di sini dan persatuan pembuat jam Swiss.

Mesyuarat itu bertujuan menarik para pembuat jam Swiss melabur di Malaysia bagi mengeluarkan komponen jam.

Sekarang ini terdapat dua pembuat jam Swiss di Malaysia. Mereka ialah Potescap Sdn. Bhd. yang mengeluarkan motor mikro untuk jam-jam

dan Precima Sdn. Bhd. yang mengeluarkan jam tangan.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang akan mengetuai lawatan dua minggu pelaburan Malaysia ke Switzerland dua minggu dari 1 Februari juga akan menyampaikan ucapan di Simposium Pengurusan Eropah di Davos, Switzerland.

Para pegawai itu memberitahu bahawa simposium itu diadakan setiap tahun dan dianggap penting kerana dapat menarik ketua-ketua negara terkemuka di bidang perdagangan dan perindustrian.

Mereka berkata, simposium itu bertujuan untuk menukar fikiran bagi kemajuan pengurusan dan perkembangan perdagangan dan perindustrian di Eropah.

Rombongan itu juga akan mengambil bahagian dalam 'Rancangan peluang perdagangan antarabangsa'